

INFO@HEPA

PELAJAR UNIMAP PENERIMA ANUGERAH YAYASAN TUANKU ABDUL RAHMAN 2008

MAJLIS MAKAN AMAL
YAYASAN TUANKU ABDUL
RAHMAN
2008



5 Februari 2008 – Setelah kejayaan dua (2) orang pelajar UniMAP menerima Anugerah Yayasan Tuanku Fauziah dan Anugerah Pingat Emas Pergerakan Wanita UMNO tahun 2007, kini sekali lagi pelajar UniMAP telah diberi pengikrafan sebagai penerima anugerah oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman. Tahniah dan syabas diucapkan kepada dua (2) orang pelajar UniMAP telah berjaya terpilih sebagai penerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman 2008 dan Anugerah Tan Sri Khir Johari 2008. Percalonan untuk Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman dan Anugerah Tan Sri Khir Johari dibuat oleh setiap Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Pemilihan kemudian dilakukan oleh satu panel khas terdiri daripada Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Antara kriteria pemilihan untuk Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman 2008 ialah pencapaian akademik yang cemerlang dalam bidang pengajian dan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum, memiliki ciri-ciri atau potensi kepimpinan dan percalonan terbuka kepada calon yang telah bergraduasi pada sesi akademik 2006/2007. Bagi kategori penerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman 2008, dari keseluruhan percalonan pelajar setiap IPTA dan IPTS di Malaysia, hanya 12 orang sahaja calon yang terpilih dan saudara How Kian Boon adalah merupakan salah seorang daripadanya. Beliau merupakan pelajar UniMAP dari PPK Pembuatan yang telah bergraduasi pada Konvokesyen Kedua UniMAP tahun 2007 lalu dan sekarang telah bekerja di Kilang SPANSION, Pulau Pinang sebagai Jurutera PDC-CAD. Beliau telah menerima sebutir pingat emas yang bernilai RM2,500.00 dan saham Amanah Saham Gemilang yang bernilai RM 3,000.00.

Manakala Anugerah Tan Sri Khir Johari 2008 merupakan anugerah penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang berjaya mendapat keputusan cemerlang yang minimum PNGK/CGPA 3.0 sekalipun menghadapi pelbagai rintangan, keperitan atau masalah kesihatan dalam tempoh pengajian mereka. Anugerah ini telah dimenangi oleh Saudari Norilyana Binti Ramli dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses menerima sijil dan cek yang bernilai RM 2,500.00. Seramai tujuh (7) orang calon pelajar dari keseluruhan percalonan IPTA dan IPTS telah terpilih sebagai penerima anugerah ini.